



POLISI MINYAK SAWIT MAMPAN


AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD (ASPA) berusaha untuk memastikan hasil keluaran kami dihasilkan secara lestari dengan mengamalkan Standard Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dengan mematuhi prinsip kelestarian di semua peringkat operasi untuk kepentingan generasi masa kini dan masa hadapan. Kami berusaha mematuhi prinsip-prinsip seperti berikut:-

- i) Mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan, negeri, negara dan antarabangsa.
- ii) Melestarikan alam sekitar dan pemeliharaan persekitaran yang positif.
- iii) Menghormati hak-hak pekerja dan masyarakat setempat.
- iv) Membina rantaian bekalan minyak sawit yang telus, kebolehesanan dan kelestarian.
- v) Penghasilan produk berkualiti dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Berikut adalah komitmen kami bagi mematuhi polisi minyak sawit mampan:-

a) Pematuhan Undang-undang

- ❖ Memastikan semua operasi kami termasuk pembekalan minyak sawit mematuhi semua aspek perundangan dan peraturan tempatan, negeri, negara dan antarabangsa.
- ❖ Menghormati amalan perniagaan yang adil dan saksama serta mencegah semua bentuk rasuah, penipuan dan penggunaan dana dari sumber haram dan meragukan.



b) Alam Persekitaran

- ❖ Memastikan semua perundangan dan peraturan alam sekitar dipatuhi.
- ❖ Melarang semua aktiviti pembakaran terbuka.
- ❖ Memelihara alam sekitar dengan mengurangkan kesan negatif melalui perancangan dan prosedur yang sistematik.
- ❖ Penyediaan latihan kepada semua pekerja mengenai kesedaran alam sekitar melalui pencegahan pencemaran dan tanggungjawab pemeliharaan alam sekitar.
- ❖ Kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV) akan dipelihara bagi melindungi sepsis Flora dan Fauna.
- ❖ Tiada pembangunan ladang di Kawasan Pengumpulan Karbon Tinggi (HCSA).
- ❖ Tiada pembangunan baru di tanah gambut tanpa mengira kedalaman mengikut polisi semasa yang diwartakan oleh kerajaan.
- ❖ Amalan perladangan baik sentiasa diterapkan di ladang tanah gambut yang sedia ada.
- ❖ Bekerjasama dengan masyarakat sekitar, kontraktor, pembekal dan agensi kerajaan bagi membaik pulih alam sekitar.

c) Kemasyarakatan

- ❖ Pengambilan dan kenaikan pangkat akan berdasarkan kelayakan dan prestasi individu tanpa mengira bangsa, kasta, kewarganegaraan, agama, kecacatan fizikal, jantina, usia, keanggotaan dalam kesatuan atau fahaman politik. Peluang samarata akan diberikan kepada semua kakitangan.
- ❖ Buruh paksa dan kanak-kanak di bawah umur (di bawah 18 tahun) tidak diambil bekerja.
- ❖ Menghormati hak semua pekerja untuk menubuhkan atau bergabung dengan kesatuan sekerja melalui persetujuan secara kolektif.
- ❖ Tidak bertolak ansur dalam segala bentuk gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja.
- ❖ Memastikan persekitaran kerja yang selamat kepada semua pekerja berpandukan kepada Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.
- ❖ Menghormati hakmilik tanah.
- ❖ Menghormati adat resam dan hak masyarakat orang asal dan tempatan.
- ❖ Pematuhan kepada "*Free, Prior and Informed Consent (FPIC)*" sebelum pembangunan baru dijalankan.

d) Ketelusan dan Kebolehkesanan


- ❖ Dengan mewujudkan sistem aduan yang telus, kami dapat meningkatkan tahap penglibatan dengan pihak berkepentingan agar mendapat maklum balas berkenaan isu-isu berbangkit terhadap rantaian bekalan minyak sawit.
- ❖ Pembangunan rantaian bekalan minyak sawit yang progresif dapat dilaksanakan dan semua pembekal yang terlibat dapat memenuhi dasar minyak sawit lestari.

e) Kualiti

- ❖ Pematuhan penghasilan produk yang berkualiti dan penyediaan perkhidmatan yang terbaik dengan harga yang kompetitif bagi memenuhi harapan industri dan keperluan pengguna.
- ❖ Meningkatkan inovasi dan teknologi baru secara berterusan bagi memenuhi perubahan keperluan industri dan pengguna.

PERLAKSANAAN DAN PENGAWALAN

Polisi ini akan dilaksanakan di ladang-ladang ASPA dan akan terus memantau proses pelaksanaan dengan mengambilkira perkembangan terbaru dan segala bentuk perubahan serta mengkaji semula polisi ini untuk memastikan pihak kami terus mematuhi dasar pengeluaran minyak sawit mampan.


YH. DATO' MOHD NAZARI BIN YUNUS
PENGURUS BESAR
AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

4th Mei 2020